

**Penghasilan serunding kubis semasa pandemik covid-19 terhadap pembangunan  
usahawan wanita perintis**

**ABSTRACT**

Serunding Kubis adalah produk inovasi yang dihasilkan semasa pandemik COVID19 sebagai alternatif mengoptimumkan kearifan tempatan dalam menguruskan sumber pertanian yang mengalami masalah lambakan kerana tidak terjual. Penghasilan produk ini diilhamkan oleh penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) kemudian diproses oleh komuniti perintis. Artikel ini akan membincangkan pembangunan usahawan wanita perintis melalui penglibatan dalam penghasilan serunding Kubis. Kajian kes dalam kalangan komuniti rintis ini melibatkan pengumpulan data melalui kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian ikut serta terhadap lima orang usahawan wanita yang terlibat secara aktif. Manakala hasil kajian dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa penghasilan serunding Kubis telah menyumbang kepada pemerkasaan usahawan wanita perintis, iaitu dari aspek ekonomi, psikologi, sosial dan politik.